
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

RAK 552 – AMALAN PROFESIONAL SENI BINA

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Berikan tiga (3) jenis syarikat praktis Arkitek yang dibenarkan mengikut '*Code of Professional Conduct*'. Huraikan perkara-perkara berikut mengikut ketiga-tiga jenis syarikat tersebut.
 - (a) Siapakah 'rakan perkongsian' yang dibenarkan dalam penubuhan syarikat-syarikat tersebut?
 - (b) Bilangan dan kelulusan/kelayakan rakan perkongsian.
 - (c) Peratus (%) pemilik saham.
 - (d) Proses kelulusan.

(25 markah)

2. Terangkan peringkat-peringkat dan perincian '*Basic Services*' yang terdapat dalam pelaksanaan sesebuah projek. Jelaskan perkara-perkara berikut mengikut peringkat-peringkat tersebut:
 - (a) Apakah tujuan utama '*Basic Services*' dalam pelaksanaan projek?
 - (b) Bagaimanakah yuran profesional Arkitek ditentukan dalam aspek ini?
 - (c) Apakah keperluan '*Memorandum of Agreement*' dan hubungkaitnya dengan '*Basic Services*'?

(25 markah)

3. Jelaskan dan bincangkan PERANAN Juruperunding dalam pelaksanaan sesuatu projek pembangunan serta beri contoh yang menonjol.

(25 markah)

4. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di bawah Seksyen 21A memperuntukkan tiap-tiap aktiviti pemajuan hendaklah disertakan dengan suatu LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN. Jelaskan dan bincangkan objektif dan matlamat L.C.P., pengecualian dan isikandungan L.C.P. bawah Seksyen 21A(1) Pindaan A933 (1995).

(25 markah)

5. (a) Arkitek yang dilantik telahpun ditugas menghasilkan rekabentuk sebuah bangunan dan seterusnya mentadbirkan kontrak binaan bangunan tersebut.
- (i) Apakah bidang kuasa yang diperuntukkan di dalam Borang Kontrak PAM Standard untuk seorang Arkitek mentadbir kontrak binaan ini.
 - (ii) Ringkaskan bagaimana arahan-arahan Arkitek dikeluarkan kepada kontraktor dan implikasinya jika arahan-arahan tidak dipatuhi.
- (b) (i) Senaraikan perkara-perkara yang boleh dipertimbangkan oleh majikan untuk meluluskan permohonan lanjutan masa kontrak daripada kontraktor.
- (ii) Nyatakan dengan ringkas hak seorang kontraktor di bawah syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Kontrak PAM yang standard yang membolehkan kontraktor memulakan tindakan menamatkan kontrak binaan dengan majikan.

(25 markah)

6. (a) apakah tujuan memanggil tender di dalam sesuatu kerja binaan? Apakah criteria yang perlu digunapakai untuk memilih kontraktor yang berkualiti menjalankan kerja kontrak binaan dengan jayanya?
- (b) Di dalam dokumen tender, terdapat 2 elemen kos iaitu Kos Prima dan Kos Provisional. Apakah yang terkandung di dalam kedua-dua elemen kos ini dan perbezaan di antara kedua-duanya?

Bincangkan.

(25 markah)